



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 10 MEI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	CHINA DEMAND A BOON FOR DURIAN FARMS, NATION/NEWS, NEWSTRAITSTIMES -9 ERA BARU PERTUBUHAN PELADANG DI BAWAH PN, FIKRAH, HARAKAH -F1 PERTUBUHAN PELADANG BEBAS ELEMEN POLITIK, WAWANCARA, HARAKAH -F2 AJAK ANAK MUDA TRANSFORMASI SEKTOR PERTANIAN, FOKUS, HARAKAH -F3 MAFI, JPV KELUARLAH DARI KEPOMPONG, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7.	20,000 PENTERNAK TERHIMPIT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 1-2 JANGAN CEPAT TARIK BANTUAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8. 9. 10.	TURTLE EGG COLLECTORS CALL FOR PRICE REVIEW, NEWS, SUN -4 HARGA BAHARU TELUR PENYU TAK 'MASUK AKAL', LOKAL, HARIAN METRO -10 PEMAJAK RAYU KAJI SEMULA HARGA TELUR PENYU, NEGERI TERENGGANU, SINAR HARIAN -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	SEMAK PELAN ATAU BERDEPAN KRISIS MAKANAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -4 TRANSFORMASI TEKNOLOGI, PELAN STRATEGIK ATASI ISU HARGA AYAM, RENCANA, BERITA HARIAN -12 AGROBANK, IMB JALIN KERJASAMA, EKONOMI, UTUSAN MALAYSIA -35 LADANG TIADA LESEN, BABI 'HILANG' ANCAM KESIHATAN AWAM, NASIONAL, HARAKAH -H3 PEMILIK 2,000 EKOR BABI 'HILANG' DIGESA BERTANGGUNGJAWAB, NASIONAL, HARAKAH -H3 FARM FRESH CHURNS OUT EARNINGS GROWTH, STARBIZ, STAR -5 PERLUAS INSENTIF INDUSTRI PERTANIAN, UTUSAN MALAYSIA -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

10/5/2022

NEWSTRAITTIMES · NATION/NEWS

9

SUPPLY AND DEMAND

CHINA DEMAND A BOON FOR DURIAN FARMS

Govt encouraging investment in cultivation to increase supply, says deputy minister

AUDREY DERMAWAN
GEORGE TOWN
news@nst.com.my

THE price of durian is determined by supply and demand, the Agriculture and Food Industries Ministry said yesterday.

Its deputy minister, Datuk Seri Ahmad Hamzah, said durians were a free-market commodity. He said, however, the Department of Agriculture did introduce in 2020 standards for premium durian kampung, which was graded on quality of flesh and appearance of fruit.

"This allowed consumers to have alternatives to the famous varieties, such as Musang King (D197), Black Thorn (D200) and Bukit Merah (D24).

"We are encouraging invest-

ments in durian cultivation to meet local and export demand. Demand for Malaysian durian has increased tremendously in the past five years, especially from China.

"Therefore, this will help alleviate the supply and demand problem, and stabilise the price of durians. It also creates more jobs," he said in response to the *New Sunday Times* front-page report that durians could cost between 30 and 40 per cent more per kilogramme this season.

Ng Wei Dave, 40, who manages his family's durian orchard in Sungai Ara in Bayan Lepas, had said rainy weather and increased fertiliser and pesticide prices had raised the price of durians.

The Consumers' Association of Penang (CAP) had urged the Domestic Trade and Consumer Af-



Datuk Seri Ahmad Hamzah (inset) says durian farmers need to be educated on orchard management to mitigate the effects of climate change on harvests.

fairs Ministry to set the price of durian.

CAP president Mohideen Abdul Kader said durian farmers and sellers had told the consumer watchdog that the price might go up due to high demand.

Ahmad said climate change had caused unpredictable weather that reduced durian harvests due to poor flower pollination.

He also said the growth of new leaves during the flowering season could cause nutrient competition, weakening pollen and reducing fruit development.

"Frequent rain also contributes to less fruit formation.

"This problem is expected to occur nationwide," he said.

Ahmad said farmers needed to be educated on durian orchard management to mitigate the effects of the weather on durian harvests.

"Fertiliser prices doubled as the Russia-Ukraine conflict intensified. Price increases of raw material to produce fertiliser is a global issue and not only affects Malaysia.

"Indirectly, this hike in fertiliser price will cause growers to reduce the amount of fertilisers applied, which will reduce durian harvests."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2022	HARAKAH	FIKRAH	F1

ERA BARU PERTUBUHAN PELADANG DI BAWAH PN

KETIKA era kerajaan Pakatan Harapan (PH) menteri diberi kuasa melantik ahli jemaah pengarah Pertubuhan Peladang.

Ia meliputi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Polisi itu bertentangan dengan normal sebelumnya. Sedangkan sejak sekian lama ahli jemaah pengarah ditentukan ahli melalui pemilihan pada mesyuarat.

Bagaimanapun polisi itu hanya bertahan 22 bulan. Selepas kerajaan Perikatan Nasional (PN) muncul, NAFAS, PPN dan PPK tidak lagi dijadikan gelanggang orang politik.

Kerajaan PN mengubah semula peraturan digubal kerajaan PH, bagi mengembalikan pemilihan AJK ditentukan ahli dan bukan



Che Abdullah Mat Nawi



Dr Ronald Khandee

lagi kuasa menteri. Apa yang berlaku itu disifatkan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Dato' Che Abdullah Mat Nawi sebagai bermesej politik. Kata beliau perkembangan yang berlaku ketika itu lebih berat berbanding era sebelum 2018.

PPK mempunyai sembilan ahli jemaah pengarah. Oleh itu kita cuba lihat perkembangan Pertubuhan Peladang di bawah era baru sekarang.



Jualan runcit Peladang Jalan Waaja.



Industri peaternakan membantu mengurangkan import daging lembu dari luar negara.



Shot on V15 2020
Vivo AI camera

Tanaman cili yang diusahakan Kelab Cili 3 kg Pusat Pengumpulan Peladang Kuala Langat.

Pertubuhan Peladang bebas elemen politik

HARAKAH: Sebelum ini kabarnya PPK pernah jadi gelanggang politik. Se jauh mana realitinya?

DATO' CHE ABDULLAH: Ia tidak dinafikan berlaku. Malah ketika era PH berat di mana menteri ada kuasa melantik ahli jemaah pengarah. Mereka buat lantikan bermeseji politik. Perkembangan yang berlaku itu paling berat berbanding era sebelum 2018.

Sepatutnya pelantikan melalui mesyuarat agung peringkat PPK. PPK ada sembilan ahli. Ketika era PH mereka lantik dengan memasukkan pemimpin parti mereka dalam lembaga. Bagaimanapun sekarang sudah balik semula pelantikan dibuat melalui pemilihan.

LPP atau PPK sebelum ini 2018 dalam konteks Kelantan biasanya orang luar nampaknya hanya dikuasai parti politik tertentu, benarkah begitu?

Situasi begitu tidak dapat dinafikan. Malah kita juga dapat pemilihan ahli jemaah pengarah PPK dikuasai kelompok politik tertentu. Cuma kita bimbang kalau kuat politik yang ia boleh menjejaskan dari segi prestasi perniagaan PPK itu sendiri. Namun, sekarang di era kerajaan PN dari segi tekanan politik pun sekat ini tidak nampak lagi. Tekanan daripada menteri ke bawah tidak ada. Cuma politik hanya kedengaran di peringkat bawah, tidak dari atas. Ini bermakna daripada atas nak buat apa so far *politic move* itu tidak lagi. Bukan sekat tidak tekan, maknanya lebih bebas sekarang. Malah kita berharap supaya tidak melibatkan tekanan politik. Ini membolehkan PPK dapat benar-benar berfungsi sebagai sebuah pertubuhan peladang yang dimiliki oleh semua ahli peladang di unit peladang tanpa mengira



LPP membekalkan baja bagi keperluan petani.

fahaman politik.

PPK dari segi pengurusan tidak ditekan dan dapat melaksanakan tugas yang terbaik untuk kemajuan PPK itu sendiri bagi membantu ahli dan meningkatkan produktiviti mereka. Era sekarang pertubuhan peladang kelihatan lebih liberal.

Sebelum ini Dato' bertugas sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makana, namun sekarang pula dipertanggungjawab sebagai Pengerusi LPP, mungkin ada perubahan ketara dari segi gerak kerja?

Sudah tentulah ada perubahan. Di LPP skopnya lebih kecil. Sebagai timbalan menteri sebelum ini bidang tugasnya mencakupi semua sektor termasuk perikanan dan pertanian. Namun sekarang sebagai Pengerusi LPP tumpuan hanya kepada pertubuhan-pertubuhan negeri, PPK dan NAFAS.

Mungkin rasai masih keliru apa peranan LPP?

LPP berperanan sebagai pendaftar kepada pertubuhan peladang yang terdapat di seluruh negara. Kita mengambil tanggungjawab aspek pengurusan dan pembangunan. Jadi kerja-kerja tersebut tertumpu



Chimerah yang diusahakan ahli PPK.

kepada membantu pertubuhan pertubuhan peladang mencapai tujuan dan objektif bagi memajukan pertubuhan peladang dan sebagainya.

Maknanya LPP memastikan pertubuhan peladang tidak mati?

LPP memang perana memperkasakan pertubuhan peladang yang ada. Dan dalam masa sama melahirkan peladang di bawah unit pertubuhan peladang yang produktif. Ahli di unit-unit peladang terbabit terdiri daripada ahli yang merupakan peladang, petani dan penternak. Tugas LPP mengurus supaya pertubuhan peladang dapat melahirkan ahli yang benar-benar produktif dan yang berjaya mengeluarkan

APABILA disebut Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) tentunya ramai sedia maklum siapa ahlinya. Sebelum ini rata-ratanya ada hubung kait dengan parti politik tertentu. PPK menjadi gelanggang untuk menguatkan pengaruh pemimpin politik. Ekoran itu ramai berharap di era Pakatan Harapan (PH) dominasi orang politik berakhir. Sebaliknya kecamuk politik lebih hebat. Menteri diberi kuasa melantik ahli jemaah pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan PPK. Hanya di era kerajaan Perikatan Nasional (PN) NAFAS, PPN dan PPK tidak lagi dijadikan gelanggang orang politik. Kerajaan PN mengubah semula peraturan digubal kerajaan PH, bagi mengembalikan pemilihan AJK ditentukan ahli dan bukan lagi kuasa menteri. Oleh itu bagi mengikuti perkembangan Pertubuhan Peladang ikut temubual LANJUSOH dan MUHAMMAD ARIF ISMAIL bersama Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Dato' Che Abdullah Mat Nawil ketika ditemui baru-baru ini.



makanan untuk keperluan rakyat. LPP juga menyediakan latihan dan membantu menyediakan keperluan asas dan pendedahan mengenai ilmu pertanian.

LPP sebagai pendaftar bertindak mendaftar pertubuhan peladang baik pertubuhan peladang kawasan, negeri atau kebangsaan. LPP juga bertanggungjawab terhadap pengurusan pertubuhan peladang kecuali di Sarawak dan di bawah kendalian MADA dan KADA. PPK di bawah agensi terbabit diurus oleh badan berkenaan dan bukan LPP.

Sekarang terdapat berapa Pertubuhan Peladang di bawah LPP?

Sekarang terdapat 279 PPK yang *direct* di bawah LPP. Selain itu kita juga ada 14 Pertubuhan Peladang Negeri dan satu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Adakah jumlah 279 PPK meningkat atau statik?

PPK boleh meningkat kalau ada pendaftaran baru. PPK juga boleh menurun kalau ada PPK yang gagal memenuhi syarat ditetapkan dan menyalahi akta dan sebagainya. LPP diberi kuasa untuk membubarkan PPK yang bermasalah.

LPP kelihatan peranan seperti Pejabat Pendaftar Pertubuhan (RoS)?

Ya LPP mengambilalih

tanggungjawab RoS untuk mendaftar pertubuhan peladang. Pertubuhan peladang tidak perlu daftar dengan RoS, mereka kena daftar dengan LPP. Ketua Pengarah LPP bertindak sebagai pendaftar.

Setakat ini belum kedengaran ada PPK yang bermasalah untuk membuat pendaftaran? So far alhamdulillah. Tidak berlaku seperti pendaftaran parti-parti politik.

Dalam kalangan PPK sekarang adakah yang mampu dikenal sebagai syarikat korporat?

Sebenarnya ada beberapa kategori dalam PPK. Ada beberapa PPK mencapai keuntungan dalam jumlah volume bisnis. Jadi dia dikategorikan mengikut volume bisnis kategori A, B dan C.

Mungkin ada top PPK setakat ini?

PPK yang berjaya kebanyakan terdapat di Johor, Perak dan Selangor. Kebanyakan mereka ada ladang sawit. PPK paling berjaya ialah PPK Kuala Langat. PPK itu mempunyai pusat pengumpulan cili. PPK tersebut menjadi tempat pengumpulan sayur-sayuran yang boleh bersaing dengan super market. Orang pergi membeli di situ berbanding super market kerana harganya lebih murah. PPK boleh mengubangi harga berbanding dengan super market.



Pertubuhan Peladang Unit Merek Ural.

Ajak anak muda transformasi sektor pertanian

Oleh M FAQH & ARIF ISMAIL

PERTUBUHAN Peladang ditubuh di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973. Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bertindak sebagai pendaftar Pertubuhan Peladang.

Objektif penubuhan Pertubuhan Peladang untuk meningkatkan taraf ekonomi, sosial, menambah penerahuan dan kemahiran, meningkatkan hasil dan pendapatan peladang. Selain itu membaiki cara hidup ahli-ahli serta masyarakat peladang secara progresif, berdiskusi, makmur dan bersepadu.

Visinya sebagai peneraju kecemerlangan Pertubuhan Peladang bagi meningkatkan sumbangan berkesan dalam sektor agromakanan negara.

Pengerusi LPP, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, setiap peladang boleh menyertai Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dengan syarat sekurang-kurangnya berusia 16 tahun dan ke atas.

Menurutnya peladang mendapat banyak manfaat dengan menyertai PPK. Ini kerana peladang menyertai PPK sentiasa dipantau dan dibantu bagi memertingkatkan produktiviti mereka dalam bidang pertanian.

"PPK akan mengambil caikan setiap masalah yang dihadapi petani atau peladang. Selain itu menyediakan pelbagai kemudahan dan peruntukan khas yang diagih melalui LPP.

"Petani yang menyertai PPK diberi ketumaman berbanding petani yang tidak menyertai PPK bagi mendapat bantuan kerajaan, ujaranya ketika ditemui baru-baru ini.

Bantuan lain termasuk pembangunan usahawan. Malah ketika penularan wabak Covid-19 sebelum ini ahli PPK diberi bantuan Covid-19 sebagai usaha bagi meringankan bebanan mereka.

Ketika ditanya perkembangan PPK di Kelantan, beliau yang juga bekas anggota Exco kerajaan negeri berkata, PPK menghadapi kekangan tanah untuk terbit secara serius dalam industri sawit.

"Ketika saya bertugas sebagai Exco Pertanian di Kelantan, Pengerusi LPP ketika itu datang melawat Kelantan bagi mengintai peluang LPP terbit dalam industri sawit.

"Saya memberi komitmen untuk menyelesaikan isu tanah bagi membantu LPP berkembang di Kelantan dalam sektor pertanian," ujarnya.

Malah PPK Kandis antara yang



Che Abdullah Mat Nawi menerima kunjungan IPG Kampus Sultan Abdul Halim di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

paling kaya di Malaysia suatu ketika dahulu kerana terbit dalam industri tembakau.

PPK lain yang terkenal di Kelantan iaitu PPK Bukit Awang di Pasir Puteh yang mengeluarkan cili dibekalkan kepada syarikat Nestle bagi menghasilkan sos.

Selain itu terdapat juga PPK di Gua Musang dan Jel yang mengusahakan projek ternakan sarang burung wabul. PPK terbit berpotensi besar untuk meraih pendapatan lumayan pada masa hadapan.

PPK di Kelantan juga disertai masyarakat Slam yang terbit dalam bidang pertanian di Tumpat. Petani keturunan Slam yang menanam sayur di Tumpat antara yang mengusahakan secara komersial di Kelantan.

Bebas politik

Setelah memerajui LPP Che Abdullah berkata, beliau cuba membebaskan politik supaya PPK benar-benar berfungsi bagi menjalankan peranan secara berkesan.

"Di bawah Menteri Pertanian dan Industri Makanan sekarang,

Dato' Seri Dr Ronald Khandee saya nampak lebih terbuka untuk membolehkan PPK berjalan dengan sendiri.

"Menteri sangat menyokong gerak kerja Pertubuhan Peladang," kata beliau.

Beliau juga meminta PPK yang berdaya maha membantu PPK yang berdepan dengan kerugian.

"Kita mahu mereka convert kerugian supaya menjadi PPK yang mampu menjana keuntungan. Saya juga berharap para usahawan tani yang tidak menjadi ahli supaya jadi ahli PPK.

"Dan mereka yang sudah menjadi ahli turut bersama LPP untuk mentransformasi dan meniodenkan sektor pertanian dengan penggunaan *internet of thing* dan sebagainya," kata beliau.

Che Abdullah juga berkata, usaha juga perlu dilakukan bagi menarik lebih ramai golongan belia terbit dalam sektor pertanian.

Belia yang berminat mampu muncul sebagai ikon anak muda yang berjaya pada masa hadapan dengan adanya kemudahan *internet of thing* (IoT).



Che Abdullah Mat Nawi menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin.



PPK Bachok antara 97 Pasar Segar Terkawal yang terdapat di Malaysia.



Projek fertigasi gantung timun peserta Ladang Kontrak Addy Rendra di Klang, Selangor.

**GHULAM
SARVER
MOBARAK
ALI**



MALAYSIA gagal mencapai tahap sara diri (SSL) dalam pengeluaran daging lembu. Pelbagai penyelidikan dan kajian lapangan pengeluaran daging dilakukan sejak beberapa dekad lalu, namun tidak membuahkan hasil.

Pada 2020, Malaysia mengeluarkan 23 peratus keperluan daging. Jabatan Perangkaan mencatatkan negara pada tahun itu terpaksa mengimport daging dengan nilai RM2.2 bilion.

Kini Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melancarkan pula Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenuku Negara (2021-2025). Selain itu, Lembaga Ruminan Negara diwujudkan untuk memastikan industri ruminan berdaya saing, mampu memenuhi permintaan daging, susu dan produk berasaskan susu.

Persoalannya, setelah hampir 65 tahun mencapai kemerdekaan dan pelbagai dasar sekuriti makanan diperkenalkan sejak 1984, mengapakah Malaysia masih mengimport 70 peratus daging dari luar negara? Pernahkah kita bertanya persoalan ini secara jujur, mengapa kita gagal?

Dengan keluasan 330,000 kilometer persegi, Malaysia mempunyai tanah pertanian yang luas untuk memternak lembu. Pelbagai jenis rumput dan kekacang hidup subur di negara ini seperti rumput signal, guinea, napier, brachiaria mutica, humidicola, centro, stylo, calapo dan petai belalang. Di seluruh negara, terdapat Pejabat Veterinar Daerah yang menempatkan pegawai dan segala macam kemudahan untuk memajukan penternakan lembu dan kambing, namun amat mengecewakan.

Sejak 1970-an lagi, ladang-ladang besar komersial untuk membangunkan penghasilan baka, fidlot dan susu ditubuhkan seperti FIMA Feedlot di Johor, ladang

MAFI, JPV keluarlah dari kepompong



SELEPAS hampir 65 tahun merdeka dengan pelbagai dasar sekuriti makanan diperkenalkan, Malaysia masih terpaksa mengimport 70 peratus daging dari luar negara. - UTUSAN/SHIDDIQIN ZON

daging dan tenuku Majuternak di beberapa negeri, Pahangbif, Darabif, Makmur dan First Dairy Farm serta Perbadanan Fidlot Kebangsaan (NFC). Namun, syarikat-syarikat ini turut mengalami pelbagai masalah dan dihentikan operasi.

MAFI adalah antara kementerian yang diberikan peruntukan belanjawan tinggi setiap tahun untuk memainkan peranan menggerakkan 13 agensi di bawahnya berfungsi dengan cekap dalam memastikan sekuriti makanan negara terpelihara. Bagaimanapun, nilai import makanan negara terus meningkat dari setahun ke setahun.

Pada 2012, Malaysia mengimport RM36.09 bilion makanan. Pada 2020, meningkat kepada RM55.48 bilion iaitu pertambahan RM19.39 bilion dalam masa lapan tahun. Selain mengimport daging, pada 2020 dan 2021 Malaysia mengimport 24,958 ekor lembu dari Thailand sempena Hari Raya Aidiladha.

Bernama melaporkan pada 22 April lalu, Pengarah Bahagian Kerjasama Antarabangsa Ternakan,

Jabatan Pembangunan Ternakan Thailand, Dr. Wacharapon Chotiyaputta menyatakan negaranya mempunyai kemudahan, kapasiti dan bekalan mencukupi untuk mengeksport lembu ke Malaysia.

Mengapakah Thailand lebih maju daripada Malaysia dalam penternakan lembu sedangkan iklim kedua-dua negara hampir sama? *Astan-Australasian Journal of Animal Sciences (AJAS)* terbitan Julai 2018 menyebut, terdapat 4.9 juta lembu di Thailand, sejuta ekor disembelih setahun.

Di Malaysia, menurut Perangkaan Agromakanan MAFI, pada 2018 terdapat 676,686 ekor lembu. Bilangan penternak ialah 24,279 orang.

DEFENSIF

Malaysia ketinggalan jauh daripada Thailand dalam penternakan lembu. Banyak aspek penternakan dapat dipelajari daripada Thailand bukan sahaja dengan mengadakan lawatan tetapi juga melalui tulisan dan kajian ilmiah yang diterbitkan.

Beberapa langkah perlu dilakukan oleh MAFI dan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk memajukan sektor ternakan ruminan sekali gus meningkatkan keuntungan industri dan golongan penternak kecil di seluruh negara.

Pertama, pejabat daerah JPV di seluruh negara dinaik taraf dengan diketuai oleh pegawai Gred 52. Hanya pegawai yang dikenali pasti dan terbukti cemerlang dan berprestasi tinggi dipilih.

Di daerahlah pelaksanaan dasar dan pelan yang dirangka teruji sama ada berhasil atau perlu penambahbaikan dilakukan.

Kedua, kebanyakan inisiatif kerajaan dalam industri ruminan berasaskan orientasi program, bukan orientasi keberhasilan. Bantuan pinjaman dan geran tidak akan membantu penternak untuk jangka masa panjang. Yang diperlukan penternak ialah bantuan kepakaran teknikal sebab memternak lembu bukan seperti menanam sayur. Banyak cabaran yang terpaksa dihadapi bagi memastikan ternakan sihat.

Ketiga, surat dan aduan permasalahan serta

pandangan penternak hendaklah diterima secara positif oleh MAFI dan JPV. Sikap defensif mempertahankan pegawai tanpa memberikan penyelesaian masalah secara munasabah tidak membawa kemajuan.

Keempat, JPV perlu memastikan sumber makanan ternakan berkualiti ditanam dan mudah diperolehi oleh penternak daripada bergantung kepada makanan import yang mahal. Rundingan hendaklah dibuat dengan para pelikang kelapa sawit supaya penternak memperoleh makanan lembu dalam bentuk palet.

Kelima, memastikan ratusan padang ragut di bawah seliaan JPV di negeri-negeri diurus dengan cemerlang. Hanya penternak yang menunjukkan minat tinggi dan berusaha memajukan diri ditawarkan memternak di kawasan itu.

Keenam, JPV hendaklah memastikan jadual penyelenggaraan padang ragut dan bantuan lazim lain kerajaan kepada penternak diberikan secara adil mengikut tata cara ditetapkan.

Ketujuh, memastikan semua pegawai JPV dideklarkan secara terperinci Laporan Audit Dalam dan Laporan Ketua Audit Negara pada setiap tahun supaya kelemahan dan kecuaian kepimpinan, pengurusan dan pelaksanaan projek tidak berulang.

Kelapan, MAFI hendaklah mengatasi kerehnan birokrasi terutama membabitkan isu pemberian insentif, subsidi, perolehan, khidmat nasihat serta tempoh menunggu yang dikesan mengganggu usaha penternak lembu.

Industri penternakan lembu di Malaysia mempunyai potensi besar untuk maju sekali gus meningkatkan pendapatan penternak kecil. JPV hendaklah keluar dari kepompong bekerja dan bertindak cara yang tidak sesuai lagi pada abad ke-21.

Sikap menganggap cara operasi seperti biasa sekarang adalah terbaik kepada JPV akan merugikan rakyat dan negara yang mengharapkan untuk menikmati daging dan susu yang berkualiti pada harga patut.

PENULIS ialah pebidang di Perak.

10/5/2022

UTUSAN

DALAM

1

MALAYSIA

NEGERI

Rombak dasar JPV susahkan penternak, halang capai 50 peratus SSL daging lembu

20,000 penternak terhimpit

OKAH MASARAH SHEKH RAHIM
masarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Lebih 20,000 ahli Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR) yang kebanyakannya terdiri daripada penternak ruminan semakin terhimpit dengan dasar dan polisi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang disifatkan hatinya retorik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Presiden GTR, Nordin Mat menggesa segala dasar dan polisi JPV dirombak kerana langsung-tidak ada perkembangan positif terutama bidang lembu pedaging dan kambing dalam tempoh 10 tahun ini.

Jabatan itu sepatutnya bukan hanya memberi perkhidmatan dan penguatkuasaan undang-

undang, sebaliknya mengubah fokus pembangunan keseluruhan industri ruminan negara.

"Dasar Agromakanan Negara 2.0 yang dilancarkan awal tahun ini oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan adalah retorik semata-mata. Apatah lagi mahu meningkatkan kadar sara diri (SSL) daging lembu ditamatkan sehingga 50 peratus dalam tempoh lima tahun akan

datang," katanya.

Sedangkan, kata Nordin, angka SSL 23 peratus oleh JPV juga adalah jauh daripada sasaran sebenar.

"Hanya pengimportan dan penyeludupan ternakan dari luar negara unruk menampung keperluan dan permintaan negara terutama bagi tujuan ibadat alkitab dan korban.

"JPV hanya berperanan me-

nguat kuasa undang-undang yang masih kekal dengan dasar dan polisi hanya menyusahkan penternak sedangkan pembangunan industri langsung tidak kelihatan, tiada perancangan jangka panjang, kalau pun ada, ia sekadar dirancang semata-mata tanpa pelan tindakan," katanya di sini semalam.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2



JABATAN Perkhidmatan Veterinar didesak mengubah dasar yang menyusahkan para penternak jika mahu mencapai kadar SSL sehingga 50 peratus bekalan daging tempatan. - GAMBAR HIASAN

20,000 penternak terhimpit

Dari muka 1

Beliau mengulas laporan *Utusan Malaysia* semalam mengenai luahan seorang penternak lembu, Gulam Manaver Mobarak Ali yang berdepan banyak rintangan sepanjang mengusahakan ternakan lembu selama 26 tahun, sejak 1995 hingga sekarang dan masih menyimpan semua bukti berdokumen.

Beliau mendakwa, kesukaran industri itu untuk bangkit semakin payah apabila wujudnya 'Napoleon kecil' dalam agensi kerajaan sendiri yang menghalang usaha penternakan lembu bagi mencapai SSL.

Dalam pada itu, Nordin berkata, pihak JPV perlu melihat semula pelbagai polisi yang menyusahkan seperti prosedur operasi standard (SOP) pemindahan ternakan antara negeri yang sangat merumitkan penternak walaupun kononnya

ada sistem e-permit.

Selain itu, katanya, SOP kawalan penyakit yang menganiaya penternak perlu diubah kerana ia sebenarnya langsung tidak dapat mengawal penyakit termasuk SOP pengimportan ubatan ternakan yang tidak diperjuangkan JPV.

Lebih membimbangkan, kata beliau, import permit ayam dan daging yang tidak terkawal boleh membunuh penternak tempatan dan industri ini secara tidak langsung.

"Sekiranya keadaan ini berterusan, industri yang semakin malap dan dihimpit pelbagai faktor lain seperti kenaikan kos makanan sangat tinggi, bekalan ternakan semakin mahal, tenaga pekerja yang semakin sukar, maka industri ini sebenarnya sedang menghala ke arah kepupusan.

"Negara akan terus bergantung sepenuhnya kepada ter-

nakan import selain bekalan daging semakin bergantung kepada negara India, Australia dan Amerika Latin yang juga semakin mahal," katanya.

Dalam masa sama, katanya, pihak GTR meminta campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk mengawal harga siling makanan ternakan kek kernel sawit (PKC) selain memberi kuota PKC sewajarnya kepada penternak tempatan tidak hanya memberi fokus untuk pasaran luar negara.

Jelas beliau, cadangan penubuhan Lembaga Ruminan Negara yang dicadangkan sejak 2014 oleh Ismail Sabri ketika beliau menjawat Menteri Pertanian tidak akan berjaya dibuat sehingga hari ini memandangkan JPV sendiri yang dipertanggungjawab untuk penubuhan lembaga itu seakan tidak bersetuju merealisasikan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Jangan cepat tarik bantuan

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamula.com.my

SEREMBAN: Penternak lembu masih memerlukan bantuan kerajaan walaupun sudah memasuki fasa pertengahan kerana fasa itu dianggap penentu kepada kejayaan seseorang penternak, sekali gus memastikan matlamat membekalkan daging untuk pasaran tempatan terjamin dan mencukupi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Usahawan Ruminan Negeri Sembilan (PURNS), Maarif Maarof berkata, apa yang berlaku ialah penternak dibiarkan tanpa bantuan apabila memasuki fasa itu atas anggapan mereka sudah berjaya.

"Selepas penternak dibantu pada peringkat permulaan oleh jabatan-jabatan terlibat, tiada kesinambungan bimbingan ketika pengusaha terbabit mencapai tahap pertengahan dan separa berjaya.

"Sepatutnya sokongan kerajaan perlu diteruskan kerana di peringkat inilah pengusaha ternakan sangat memerlukan bantuan untuk mereka terus maju.

"Janganlah melihat kami yang sudah melepasi tahap permulaan ini, justeru perhatian tidak diberikan lagi sedangkan kami masih berdepan cabaran besar untuk kekal dalam industri ini penternakan ini.

"Perlu ada tindakan susulan oleh jabatan-jabatan terlibat



RAMAI penternak yang terpaksa mengawal jumlah ternakan mereka kerana bimbang tidak mampu untuk menampung kos operasi terutama kos makanan ternakan.

seperti *Jabatan Perkhidmatan Veterinar kerana kami masih* memerlukan bantuan seperti keluasan tanah, subsidi makanan ternakan dan aspek teknikal untuk kami terus maju," katanya ketika dihubungi semalam.

Utusan Malaysia menerusi muka hadapannya semalam melaporkan industri ternakan lembu di negara ini terus gagal dimajukan menyebabkan Malaysia terpaksa bergantung kepada import untuk menampung keperluan bahan makanan itu.

Antara faktor Malaysia dilihat masih tidak mampu mencapai

status sara diri (SSL) daging lembu adalah disebabkan wujudnya 'Napoleon kecil' dan birokrasi yang menyusahkan penternak untuk menerima bantuan disediakan kerajaan.

Maarif menambah, isunya ialah bukan penternak tidak mampu mengusahakan ternakan mereka tetapi pengusaha tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk meningkatkan lagi jumlah ternakan termasuk untuk menampung kos makanan ternakan.

"Saya sendiri terpaksa kawal bilangan dan stok ternakan lem-

bu yang saya usahakan.

"Jika saya membela dalam jumlah yang banyak, saya memerlukan modal yang besar, di mana saya mahu mendapatkan modal tersebut dan adalah lebih baik untuk saya kawal dan ternak setakat mana yang saya mampu sahaja.

"Bagi saya, pengusaha ternakan lain juga begitu, mereka juga mengeluh kerana harga makanan ternakan yang mahal. Apabila dikeluarkan bekalan, sudah tentu kita mahu ternakan yang berkualiti, bukan lembu yang kurus," katanya.

Turtle egg collectors call for price review

KUALA TERENGGANU: Turtle egg collectors in Terengganu are hoping the state government will review the new purchase price of RM1.50 per egg, which has been deemed too low compared with RM3 per egg previously.

They also claimed that the new price is unreasonable and does not commensurate with the cost to find and collect the exotic eggs on the beaches, leased as turtle landing sites.

A collector in Kerteh beach, Shaifuddin Muhammad, 47, said under the Turtle Enactment 1951, which was amended in November last year, collectors are prohibited

from selling turtle eggs to buyers other than the Fisheries Department, starting June 1.

"Prior to this, we can sell the eggs to anyone who wanted to buy them at a much higher price, which is around RM4 or RM5 per egg... but now turtle landing is not as rampant as before. I only found two nests so far this year compared with 46 nests in the corresponding period last year," he said yesterday.

Shaifuddin, who has been a turtle egg collector over the past eight years, said that during the egg-laying season between April and September, a female turtle could lay

between 80 and 100 eggs in a nest.

"Most beaches which recorded high turtle landings (500 to 800 nests) are now under the purview of the Fisheries Department, while beaches leased by individuals, such as myself, only recorded an average of 60 to 80 nests per season," said the collector, who hires three workers for RM1,000 each per month to collect the eggs.

Meanwhile, Muhammad Awang, 60, a turtle egg collector in Dungun beach said the new purchase price is really a huge turnoff for them to help in the turtle conservation efforts in Terengganu. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2022	HARIAN METRO	LOKAL	10

Kuala Terengganu: Pemajak telur penyu di Terengganu berharap kerajaan negeri mengkaji semula harga belian telur haiwan eksotik itu kerana nilai baharu iaitu RM1.50 sebiji dikatakan terlalu rendah berbanding RM3 sebelum ini.

Pemajak mendakwa harga baharu itu tidak 'masuk akal' dan tidak setimpal dengan kos yang perlu dikeluarkan untuk mencari telur penyu di kawasan pantai pendaratan penyu yang dipajak.

Pemajak telur penyu di pantai Kerteh, Shaifuddin Muhammad, 47, berkata Enakmen Penyu 1951 yang dipinda pada November tahun lalu melarang mereka untuk menjual telur penyu selain kepada Jabatan Perikanan bermula 1 Jun ini.

"Dulu, kita bebas jual ke-

Harga baharu telur penyu tak 'masuk akal'

pada sesiapa yang berminat dengan harga lebih mahal antara RM4 dan RM5 untuk sebiji telur... pendaratan ibu penyu pun tidak semeriah dulu, saya hanya menjumpai dua sarang setakat ini berbanding 46 sarang tahun lepas," katanya ketika dihubungi, semalam.

Shaifuddin yang menjadi pemajak telur penyu sejak lapan tahun lalu berkata, pada musim bertelur antara April hingga September, setiap ibu penyu akan menghasilkan antara 80 hingga 100 biji telur di se-

tiap sarang.

"Kebanyakan pantai yang merekodkan pendaratan tinggi (500 hingga 800 sarang) kini berada di bawah seliaan Jabatan Perikanan, manakala pantai yang dipajak individu persendirian seperti saya merekodkan purata 60 hingga 80 sarang untuk satu musim bertelur," katanya yang mengupah tiga pekerja dengan bayaran RM1,000 seorang setiap bulan untuk mencari telur penyu di kawasan pantai.

Sementara itu, Muhammad Awang, 60, yang juga pemajak di Pantai Dungun pula berkata, harga

yang ditetapkan berkenaan seolah-olah 'mematikan' motivasi mereka untuk sama-sama berjuang membantu usaha konservasi penyu di Terengganu.

Pemajak telur penyu di Kemaman, Roslan Muhammad, 54, pula berharap kerajaan akan membenarkan badan bukan kerajaan (NGO) atau mana-mana syarikat korporat yang berminat dengan program konservasi penyu membeli telur daripada mereka dengan harga lebih tinggi daripada yang ditetapkan Jabatan Perikanan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri Dr Azman Ibrahim berkata, pihaknya akan membincangkan mekanisme terbaik untuk penyelesaian 'menang-menang' berhubung isu terbabit.



10/5/2022

SINAR
HARIAN

NEGERI

24

TERENGGANU

Mereka mendakwa ia tidak setimpal dengan kos yang dikeluarkan untuk mencarinya

KUALA TERENGGANU

Pemajak telur penyu di Terengganu berharap supaya kerajaan negeri mengkaji semula harga belian telur eksotik itu kerana nilai baharu iaitu RM1.50 sebijik dikatakan terlalu rendah berbanding RM3 sebelum ini.

Pemajak mendakwa harga baharu itu tidak 'masuk akal' dan tidak setimpal dengan kos yang perlu dikeluarkan untuk mencari telur penyu di kawasan pantai pendaratan penyu yang telah dipajak.

Pemajak telur penyu di pantai Kerteh, Shaifuddin Muhammad, 47, berkata, Enakmen Penyu 1951 yang dipinda pada November tahun lalu melarang mereka untuk menjual telur penyu selain kepada Jabatan Perikanan bermula 1 Jun ini.

"Dahulu kita bebas jual ke-

pada sesiapa yang berminat dengan harga lebih tinggi antara RM4 dan RM5 untuk sebijik telur. Pendaratan ibu penyu pun tidak semeriah dahulu, saya hanya menjumpai dua sarang setakat ini berbanding 46 sarang tahun lepas," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Shaifuddin yang menjadi pemajak telur penyu sejak lapan tahun lalu berkata, pada musim bertelur antara April hingga September, setiap ibu penyu akan menghasilkan antara 80 hingga 100 biji telur di setiap sarang.

"Kebanyakan pantai yang merekodkan pendaratan tinggi (500 hingga 800 sarang) kini berada di bawah seliaan Jabatan



AZZMAN

Perikanan, manakala pantai yang dipajak individu persendirian seperti saya merekodkan purata 60 hingga 80 sarang untuk satu musim bertelur," katanya yang mengupah tiga pekerja dengan bayaran RM4,000 seorang setiap bulan untuk mencari telur penyu di kawasan pantai.

Muhammad Awang, 60, yang merupakan pemajak di Pantai Dungun pula berkata, harga yang ditetapkan itu seolah-olah mematkan motivasi mereka untuk sama-sama berjuang membantu usaha konservasi penyu di Terengganu.

"Kita akur untuk jual kepada Jabatan Perikanan sahaja tapi biarlah harganya berpadanan de-

Pemajak rayu kaji semula harga telur penyu



Pemajak akur menjual telur penyu kepada Jabatan Perikanan, namun berharap biarlah harganya berpadanan dengan usaha dan kos dikeluarkan untuk mencari telur hahwan eksotik itu.

ngan usaha dan pelbagai kos yang kami keluarkan. Kami juga mahu membantu mengembalikan era kegemilangan penyu di Terengganu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Pertahanan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim ber-

kata, pihaknya akan membincangkan mekanisme terbaik untuk penyelesaian 'menang-menang' berhubung isu itu.

"Harga yang dimuktamadkan nanti akan mengambil kira beban kewangan kerajaan negeri dan pada masa sama golongan pemajak telur penyu tidak akan teraniaya," katanya. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Semak pelan atau berdepan krisis makanan

PETALING JAYA: Negara boleh berdepan krisis keselamatan makanan sekiranya pelan yang dirancang untuk mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import tidak disemak semula selepas pelan sedia ada tidak mencapai hasil yang memberangsangkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, ketika beliau menjadi menteri, bekalan makanan adalah mencukupi tetapi pihaknya merancang supaya tanaman dan ternakan dapat dihasilkan sendiri dengan meluas dan secara komersial.

"Tetapi, setakat ini kita sahaja memang tak cukup untuk bekalkan makanan sendiri di negara ini, tetapi, itulah... pelan menyeluruh ada, tapi tak sampai," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan Malaysia hanya mengeluarkan 23 peratus daging lembu, manakala pengeluaran daging kambing hanya 11 peratus pada 2020, walaupun pelbagai dasar dan insentif dilaksanakan kerajaan.

Mengikut data Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, kerajaan terpaksa mengimport daging yang semuanya berjumlah RM4.2 bilion pada tahun 2021.

Angka pengeluaran daging negara juga sangat kecil sedangkan Malaysia berkeluasan 330,000 kilometer persegi dengan populasi 32.7 juta, menyebabkan Malaysia tidak mampu mencapai status sara diri (SSI) daging lembu setelah hampir 65 tahun mencapai kemerdekaan.

Salahuddin berkata, ketika beliau menjadi menteri, negara terpaksa mengimport lebih 70 peratus bekalan daging bagi memastikan bekalan dalam negara mencukupi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2022	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Transformasi teknologi, pelan strategik atasi isu harga ayam



Pengerusi Bersama, Kumpulan Kerja Teknikal PEMUDAH mengenai Kos Makanan

Oleh Prof Emeritus Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin
bhrencana@bh.com.my

Kenaikan harga makanan mencetus kebimbangan bukan sahaja kepada pengguna, tetapi juga kepada ekonomi. Ia mempunyai kaitan dengan komponen indeks daya saing negara, yang mana indikator ini merekodkan trend penurunan dalam Laporan Daya Saing 2021.

Bagi kumpulan B40 dan M40, kenaikan kos makanan berbanding gaji yang hampir tidak stabil membebankan kerana makanan merangkumi 24 hingga 29 peratus daripada perbelanjaan isi rumah mereka.

Isu ini mendapat perhatian Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dan dengan kerjasama sektor awam-swasta, PEMUDAH menubuhkan kumpulan kerja teknikal mengenai kos makanan bertujuan memudahkan perniagaan terbabit dalam rantaian bekalan. Pada masa sama, ia juga memastikan penubuhan kumpulan kerja teknikal ini diterjemahkan dalam bentuk penjimatan kepada harga makanan berpatutan.

Perkara utama perlu diberi perhatian ialah harga ayam meningkat 16 peratus dalam setahun kepada RM8.90 sekilogram (kg) pada Mac lalu. Ayam menjadi sumber protein utama bagi rakyat Malaysia, rekod menunjukkan seorang mengambil 47.4kg setiap tahun atau 129 gram (gm) sehari.

Malaysia adalah pengguna ayam ketiga terbesar dunia. Jumlahnya bersamaan 23gm protein sehari, cukup untuk satu hidangan.

Pada 2019, kumpulan B40 dan M40 membelanjakan antara 7.0 hingga 7.5 peratus daripada perbelanjaan isi rumah mereka untuk membeli ayam.

Oleh itu, kenaikan harga ayam menjejaskan kemampuan dan penggunaannya, sekali gus membawa kepada masalah kekurangan zat protein.

Tambahan pula, Malaysia tidak bergantung kepada mana-mana negara untuk pasaran ayam, sebaliknya turut mengeksport ayam hidup dan telur ke Singapura.

Ayam adalah industri berkembang maju yang mempunyai potensi tinggi untuk inovasi dan skop lebih besar untuk eksport. Potensi eksport perlu ditambah baik bagi mengimbangi kenaikan harga ayam pada jangka masa panjang.

Analisis komprehensif bagi rantaian bekalan ayam menyerlahkan kuasa pasaran, sama ada pada peringkat global atau tempatan yang memberi kesan negatif atau positif pada semua bahagian. Ia bermula daripada input ke peringkat ladang dan pgiat industri sangat kompleks terdiri daripada pemborong, rumah penyembelihan, pemproses makanan, penyedia makanan dan peruncit.

Strategi intervensi digunakan adalah bagi memastikan industri ayam berdaya saing juga harus mengekalkan kemampuan memiliki ayam sebagai sumber protein. Pada peringkat input, bekalan sumber yang tidak mencukupi menyebabkan kenaikan harga makanan ayam yang terdiri daripada jagung dan kacang soya.

Ia diburukkan lagi akibat konflik Russia-Ukraine yang mana dua negara ini adalah wilayah utama untuk menghasilkan bekalan makanan ayam, termasuk baja, yang menyebabkan harga makanan ayam meningkat ke tahap terlalu tinggi.

Menjadikan harga makanan mampu milik kepada kumpulan berpendapatan rendah dan memastikan industri makanan berdaya saing bukan matlamat sia-sia



Malaysia mengimport kira-kira empat juta tan jagung setahun dan kebergantungan yang tinggi kepada import makanan ayam ini menyebabkan industri terjejas.

Memandangkan makanan ayam merangkumi 70 peratus daripada kos pengeluaran, justeru kenaikan harga makanan ayam perlu ditangani segera.

Input daripada sains dan rancangan serta strategi negara yang dirancang dengan teliti untuk sumber protein serta tenaga alternatif adalah inovasi. Ia sekali gus membantu bukan sahaja pada industri ternakan, tetapi industri asas tani lain.

Bahan tempatan seperti larva lalat askar hitam (*black soldier fly larva*) dan kek isirung sawit perlu diuji secara serius pada skala industri.

Lebihkan kapasiti di kilang makanan akan menjadikan mereka lebih bersedia untuk mencuba dan berinovasi untuk menghasilkan makanan ayam lebih murah.

Pertanian moden juga boleh membantu mengurangkan kos, termasuk penggunaan tenaga buruh minimum.

Penukaran kepada sistem pertanian tertutup digabungkan dengan aplikasi teknologi internet pelbagai benda (IoT) terbukti berkesan dari segi kos.

Ladang juga harus direka bentuk untuk pasaran eksport. Thailand mungkin boleh menjadi model yang baik untuk dicontohi.

Pada peringkat pengedaran, struktur pasaran adalah sangat kompleks. Terdapat banyak lapisan pemborong, termasuk 'orang tengah' yang tidak menambah nilai, tetapi bertungkus-menyum meningkatkan kos.

Pendigitalan di seluruh rantaian bekalan dan pemantauan rapi untuk mengelakkan 'pakatan suli' boleh membantu mengurangkan kos.

Memudahkan dan meningkatkan aktiviti hiliaran boleh menambahkan pendapatan. Pematuhan standard kebersihan di pusat penyembelihan juga harus lebih tinggi dalam kalangan penggiat industri.

Isu paling penting adalah berkaitan tadbir urus. Terdapat banyak agensi menggubal dan menguatkuasakan dasar, undang-undang dan peraturan di bahagian rantaian bekalan.

Inisiatif kerajaan seperti insentif, subsidi dan penyimpanan stok mungkin membantu sesetengah pihak, tetapi merugikan pihak lain. Sebagai contoh, mengawal harga ayam melalui subsidi sebenarnya boleh menjejaskan pengeluaran.

Apabila industri kerugian, ia memaksa ladang ditutup dan bekalan ayam akan terjejas. Ditambah dengan permintaan meningkat ketika perayaan, harga ayam akan melambung tinggi.

Petani turut menawarkan cara alternatif untuk mengawal harga bagi membolehkan mereka menjual produk sampingan seperti kaki ayam, ke pasaran sedia ada seperti China bagi mengimbangi kos pengeluaran.

Tindakan yang diperlukan ialah ketersediaan agensi berkaitan untuk menyemak dasar dan memulakan rundingan perdagangan.

Menjadikan harga makanan mampu milik kepada kumpulan berpendapatan rendah dan memastikan industri makanan berdaya saing bukan matlamat sia-sia.

Akauntabiliti sosial dan ekonomi boleh dicapai jika semua pihak, kerajaan, sektor swasta, golongan akademik, masyarakat dan media disatukan untuk bekerjasama secara sinergi bagi mencari jalan penyelesaian boleh dilaksanakan.

Pelan Strategik Kebangsaan Pengeluaran Ayam misalnya harus dikaji semula dan disuntik idea segar oleh semua pihak.

10/5/2022

UTUSAN

EKONOMI

35

MALAYSIA

Agrobank, IMB jalin kerjasama

PETALING JAYA: Agrobank bekerjasama dengan IBM Malaysia untuk memodenkan sistem perbankannya dengan sistem berasaskan IBM Power untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada sektor pertanian, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta komuniti.

IBM Power direka khusus untuk beban kerja paling intensif, gabungan ketersediaan, keselamatan dan fleksibiliti penggunaan awan hibrid.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kerjasama dengan IBM adalah tepat pada masanya.

Kata beliau, sebagai peneraju dalam pembiayaan pertanian dan berasaskan nilai perbankan pengantaraan (VBI) di Malaysia, Agrobank menerima teknologi baharu dalam usahanya untuk kekal mendahului dalam pembiayaan pertanian dan menye-

masa memproses perniagaan dan pengurusan. Hasilnya, bank meningkatkan keupuasan pelanggan di 192 lokasi di seluruh Malaysia," katanya dalam kenyataan.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, Agrobank percaya transformasi digital menghasilkan produktiviti dan kecekapan operasi yang lebih besar sambil meningkatkan keupuasan pelanggan.

"Dengan negara menuju pemulihan berikutan kemusnahan yang disebabkan oleh pandemik Covid-19, bank komited sepenuhnya untuk membantu membina semula ekonomi Malaysia melalui pelbagai inisiatif keusahawanan," tambah beliau.

Sementara itu, Pengarah Urusan dan Ketua Teknologi IBM Malaysia, Catherine Lian berkata, IBM berbesar hati untuk memanfaatkan Agrobank dalam memanfaatkan penyelesaian teknologi yang betul dalam meningkatkan operasi perbankannya.



TENGGU AHMAD BADLI SHAH RAJA HUSSIN (Kanan) dan Catherine Lian pada majlis kerjasama antara Agrobank dan IBM.

diadakan kemudahan terbaik untuk pelanggan.

"Pelaksanaan sistem perantaraan teras baharu membolehkan 50 peratus daripada keseluruhan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2022	HARAKAH	NASIONAL	H3

Ladang tiada lesen, babi 'hilang' ancam kesihatan awam

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KUALA LUMPUR: Kehilangan 2,000 ekor babi di 19 ladang di Kampung Baru Tanah Merah Site A, Port Dickson sehingga terlepas daripada pemerhatian penguatkuasa agak menghairankan.

Pesuruhjaya PAS Negeri Sembilan, Rafaie Mustapha berkata operasinya pemindahan 2,000 ekor babi tentunya sukar yang mana memerlukan tempoh masa beberapa jam dan jumlah lori yang banyak.

"Agak menghairankan bagaimana operasi pemindahan tersebut yang tentunya tidak dapat dijalankan secara senyap dan pantas, boleh terlepas daripada pemerhatian penguatkuasa?"

Ujarnya.

Beliau berkata, PAS Negeri Sembilan memandang serius kejadian ini kerana ia boleh mengancam kesihatan awam.

"Saya berharap pihak berkuasa menjalankan siasatan serta membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan termasuk mengesan sekiranya terdapat salah laku rasuah," katanya.

Beliau juga menyifatkan tindakan pemilik ladang memindahkan babi selepas pihak Veterinar mengesan adanya Demam Babi Afrika (ASF) tanpa dapat dikesan oleh pihak penguatkuasa adalah tindakan tidak bertanggungjawab.

"Jelas menunjukkan sikap pihak pengusaha lang-

sung tidak peduli akibat buruk kepada masyarakat.

"Sekiranya babi-babi terlibat terlepas ke pasaran, masyarakat bukan Islam juga perlu dimaklumkan melalui saluran media massa tentang kemungkinan babi yang dijangkiti Demam Babi Afrika yang diseludup keluar dari Kg Baru Tanah Merah, Port Dickson, memasuki pasaran dan dijual kepada pengguna," katanya ketika dihubungi *Harakah*.

Rafaie Mustapha berkata, kerajaan Negeri Sembilan juga nampaknya gagal melaksanakan pentadbiran bertanggungjawab dalam menjamin kesihatan dan keselamatan rakyat.

"19 ladang yang memuatkan babi berkenaan tidak berlesen, ini menunjukkan sistem pengesanan dan pemantauan khususnya berkaitan dengan penternaan babi ternyata lemah," katanya.

Beliau berkata, situasi



Rafaie Mustapha

yang mengancam alam sekitar dan kesihatan awam ini tidak seharusnya dipandang ringan.

"Sikap mengabaikan kepentingan keselamatan awam dan alam sekitar ini tentunya tidak dapat diterima dan dibiarkan berlalu begitu sahaja tanpa tindakan tegas pihak berkuasa," katanya.

Pemilik 2,000 ekor babi 'hilang' digesa bertanggungjawab

KUALA LUMPUR: Pemilik babi 2,000 ekor yang hilang berhampiran ladang yang dikesan dijangkiti penyakit demam babi Afrika (ASF) digesa bertanggungjawab.

Ketua penerangan PAS Port Dickson, Badzli Bakar berkata walaupun virus ASF ini tidak merbahaya kepada manusia, sikap berhati-hati serta sentiasa waspada perlu diambil.

"Kita mengharapkan pihak berkuasa mengambil tindakan segera (pemilik babi berkenaan) kerana ia seolah mencabar undang-undang," katanya.

Pada Ahad lalu, dilaporkan kira-kira 2,000 ekor babi di 19 ladang tidak berlesen di Kampung Baru Tanah Merah Site A, Port Dickson, dipercayai dibawa keluar dari kawasan itu tanpa pengetahuan pihak berkuasa berkaitan.

Badzli yang juga AJK Lajnah Hubungan NGO PAS Pusat berkata, PAS Negeri Sembilan terutama melalui beberapa NGO akan terus memberi kerjasama dalam membanteras ladang babi haram ini.

"19 ladang babi tanpa lesen dikesan dan kita percaya ia lebih dari 19 kerana banyak kawasan penternakan ini jauh di pedalaman yang jarang dimasuki oleh orang awam.

"Satu kertas cadangan penternakan babi moden akan segera diajukan kepa-



Badzli Bakar

da kerajaan negeri dalam memastikan kesihatan dan keselamatan penduduk Negeri Sembilan terjamin," katanya ketika dihubungi *Harakah*.

Menurutnya, Negeri Sembilan pernah dilanda 'Outbreak Japanese Encephalitis' (JE) pada tahun 1999 yang mencatat 54 rekod kematian.

Kata beliau, walaupun Virus ASF ini tidak merbahaya kepada manusia, Persatuan Perternakan Babi perlu tampil bersama-sama untuk memberi kesedaran.

"Kerajaan negeri juga perlu mengambil tindakan tegas dalam hal ini merana kemungkinan jangkitan virus kepada haiwan lain boleh terjadi dan jangkitan kepada manusia akan lebih memburukkan keadaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2022	STAR	STARBIZ	5

Farm Fresh churns out earnings growth

High demand and better pricing to sustain company

CONSUMER

PETALING JAYA: Strong consumer demand and better product pricing will drive Farm Fresh Bhd's earnings growth over the medium term.

The dairy company, which has devised expansion plans in its upstream and mid-stream segments to cement its leadership position in the industry, is expected to register a three-year compounded annual growth rate (CAGR) of 23% in net profit from its financial year ended March 31, 2021 (FY21) to FY24.

The growth estimate by Maybank Investment Bank Research (Maybank IB) was based on strong revenue and healthy margins.

The research house recently initiated coverage on Farm Fresh with a "buy" call, with a target price of RM1.95, pegged to 2023 simple weighted average price-earnings ratio (PER) of its domestic dairy-related peers of 29 times.

Maybank IB noted Farm Fresh's recent 5% product price hike for its chilled ready-to-drink (RTD) and ultra-high-temperature processing (UHT)/ambient milk categories, which collectively accounted for 76% of revenue in FY21, should underpin growth.

Farm Fresh's top-line growth would also be supported by the group's progressive growth in processing milk volume from FY22-FY24, the brokerage said.

In total, it projected a three-year revenue CAGR of 15% from FY21-FY24 for Farm Fresh, driven primarily by a favourable demand outlook across its range of products.

"With strong demand expected for its product range of both dairy and non-dairy products, we estimate that its annual processing volume in million litres of milk will increase

"With strong demand expected for its product range of both dairy and non-dairy products, we estimate that its annual processing volume in million litres of milk will increase by 10%, 15% and 19% in FY22, FY23 and FY24 respectively."

Maybank Investment Bank Research

by 10%, 15% and 19% in FY22, FY23 and FY24 respectively, in tandem with Farm Fresh's planned processing facility expansion plans in Malaysia and Australia.

"With this, we expect group utilisation rate to also grow from 56% to 66% from FY22 to FY24," Maybank IB said.

"In FY22, FY23 and FY24, we are projecting for average blended product prices to grow by 2.5%, 2% and 3.0%, respectively, after accounting for Farm Fresh's product price hike of 5% for its chilled RTD milk category in Sep 2021, followed by another 5% product price adjustment for its UHT/ambient products in December 2021, and expectations for increased sales volume from higher priced stock-keeping units (SKUs), for example, plant-based products," it added.

Farm Fresh has a diverse portfolio of dairy and non-dairy products, which total around 135 SKUs, the brokerage noted, adding that the company also has the largest portfolio of locally manufactured dairy products among the domestic integrated dairy companies.

"Farm Fresh provides exposure to the largest homegrown dairy company and integrated producer of dairy products made from

fresh raw milk in the country," Maybank IB said.

It noted that as at September 2021, Farm Fresh has grown into the second largest player in the total RTD milk (chilled and ambient) category with a market share of 18% from 3% in 2015.

As at end 2021, Farm Fresh had a cash balance of RM12mil, with a total gross short-term debt of RM142mil and long-term debt of RM107mil (including total lease liabilities), which resulted in a net debt position of RM237mil.

The company's net gearing increased from 39% in FY19 to 98% in FY21, largely from increased borrowings undertaken to fund various expansions in its dairy farms and production facilities.

"Note that Farm Fresh issued a RM200mil sukuk in May 2021 where part of the proceeds was used to pay off its term loans, hire purchase liabilities, bank overdraft, revolving credit and the loan from a shareholder totalling RM130mil.

"Hence, we expect Farm Fresh to turn net cash in FY22, followed by a 4% net gearing in FY23-FY24," Maybank IB said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

PERLUAS INSENTIF INDUSTRI PERTANIAN



KERAJAAN perlu memperluas insentif dalam industri pertanian bagi mendepani krisis makanan global. -
GAMBAR HIASAN

PETALING JAYA: Kerajaan perlu memperluas insentif dalam industri pertanian dalam usaha mendepani krisis makanan global dan inflasi yang mungkin berlaku akibat perang Rusia-Ukraine yang berpanjangan.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, walaupun negara mempunyai cukup kawasan untuk sawit dan pertanian makanan, namun insentif dalam industri pertanian sangat lemah berikutan pelesenan, konsesi dan sekatan ke atas akses pasaran.

“Sebenarnya rantai nilai bekalan ini dikawal kukuh oleh orang tengah yang bermula daripada proses mendapat kebenaran mengimport barang-barang makanan. Justeru, kita memerlukan revitalisasi pasaran dan inovasi baharu saluran pasaran untuk membantu para petani tempatan.

“Ekonomi digital yang sampai tepat pada waktunya perlu digunakan secara maksimum. Pandemik Covid-19 dua tahun lalu telah mendedahkan kelemahan Malaysia dalam keselamatan makanan apabila perintah kawalan pergerakan meletakkan sekatan ke atas rantai bekalan negara.

“Kementerian Pertanian mestilah menjadi penerima antara peruntukan terbesar setiap kali Belanjawan Negara dibentangkan supaya objektif ini boleh dicapai,” katanya kepada Utusan Malaysia.

Pencerobohan Rusia ke atas Ukraine baru-baru ini, mendorong Program Makanan Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memberi amaran tentang krisis makanan global yang akan berlaku akibat gangguan dalam pengeluaran dan eksport.

Malaysia mengimport RM55 bilion nilai makanan setiap tahun, dan hanya mengeluarkan 46 peratus daripada jumlah permintaan sayur-sayuran, 70 peratus daripada jumlah permintaan beras, 61 peratus buah-buahan dan 25 peratus daging (statistik tahun 2019).

Aimi Zulhazmi berkata, bagi membendung masalah ini, kerajaan tidak boleh hanya bergantung kepada cara mudah penganugerahan permit import (AP) sahaja.

Jelasnya, penganugerahan AP secara teorinya memang langkah paling menjimatkan kerana pemegang AP akan dapat memilih sumber bekalan yg murah dan stabil, tiada kos yang dikeluarkan oleh kerajaan malah mendapat keuntungan dari segi pungutan cukai masuk.

Katanya, ia termasuk model utama untuk membawa masuk hampir semua komoditi makanan utama ke Malaysia daripada kelapa, sayur-sayuran, buah-buahan, gula, tepung, beras, ayam, daging lembu dan kambing serta pelbagai ratusan jenis lagi.

“Namun, sekiranya berterusan berpuluh-puluh tahun, ia tidak lagi produktif malah mewujudkan kartel-kartel yang mengawal turun naik harga barang secara tidak rasmi.

“Oleh itu, kerajaan harus menangani keperluan pengeluaran makanan domestik melalui penggunaan tanah serta mengubah dasar pertanian daripada hanya memihak kepada eksport komoditi utama seperti kelapa sawit sahaja kepada pertanian tanaman makanan.

“Malaysia dikurniakan dengan tanah yang subur, pelbagai kontur tanah dari bukit hingga ke lembah, kaya dengan sumber air dari kolam, tasik, sungai dan kemudahan pengairan, selain iklim khatulistiwa dengan hujan sepanjang tahun yang sesuai untuk hampir semua jenis tanaman.

“Bagi solusi jangka panjang, kerajaan mesti membantu para petani yang berjaya untuk mengeksport hasil mereka, kerana buat masa ini sebaliknya yang berlaku apabila kita melihat semakin banyak kemusnahan tanah ladang untuk bahagian industri dan pengembangan bandar,” ujarnya. – UTUSAN